



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Mohammad Haris Abd Azis & Mohd Azhar Abu Bakar @ Azmeer (2025). Representasi 'Hubungan Terlarang' dalam lirik lagu "Gemuruh" Search Ft Wings berdasarkan semiotik Roland Barthes. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 1-22. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.1>

REPRESENTASI 'HUBUNGAN TERLARANG' DALAM LIRIK LAGU "GEMURUH" SEARCH FT WINGS BERDASARKAN SEMIOTIK ROLAND BARTHES

*(Representation of 'Forbidden Relationships' in the Lyrics
of The Song "Gemuruh" Search Ft Wings Based on
The Semiotics of Roland Barthes)*

¹Mohammad Haris Abd Azis &

²Mohd Azhar Abu Bakar @ Azmeer

¹Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

²Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan,
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

¹Corresponding author: mharis@uum.edu.my

Received: 27/5/2024 Revised: 10/9/2024 Accepted: 9/2/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Makna dalam bentuk muzik mempunyai variasi tersendiri yang signifikan terhadap realiti sosial dan ideologi yang dibawa oleh pelbagai kelompok genre muzik. Genre muzik 'Rock' misalnya, ekspresi yang dizahirkan menerusi lirik serta irama yang ditampilkan merepresentasikan luahan tersendiri hasil dari tantangan realiti kehidupan harian dalam sesebuah kelompok masyarakat. Persoalannya, adakah pendengar menyedari dan memahami makna sebenar lirik yang

diungkapkan atau hanya terbuai dengan kesyahduan melodi nyanyian dan pesona iringan muzik yang melatarinya? Terdapat juga tuduhan bahawa terdapat lagu didakwa mempunyai unsur ‘negatif’ dan tidak sesuai diperdengar kepada umum. Sedangkan penilaian itu tidak cuba mengesan manifestasi sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis lirik. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis dan menjelaskan makna yang terkandung dalam lirik lagu bergenre rock pada sekitar era 1990-an iaitu “Gemuruh”. Kajian juga akan memerihalkan manifestasi sebenar atau mesej yang ingin disampaikan oleh penulis lirik disebalik paparan peristiwa yang digambarkan dalam lirik lagu tersebut. Kaedah analisis dijalankan secara kualitatif dengan memfokus kepada “teks lirik” sebagai objek, dengan cara mentafsir serta memahami kod ‘tanda’ (*decoding sign*) di sebalik teks tersebut menerusi pendekatan semiotik Roland Barthes. Justeru analisis akan melalui dua tahap (*two order of signification*), iaitu tahap 1) komponen penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*) melibatkan makna detonasi, konotasi dan mitos bagi melihat ketepatan maknanya agar lebih mudah diyakini dan sesuai dijadikan sandaran pemahaman masyarakat. Kajian mendapati bahawa lirik lagu tersebut adalah merupakan suatu bentuk usaha memberi kesedaran dan pesanan kepada setiap pasangan yang bercinta termasuklah kepada mereka yang bakal mendirikan rumah tangga agar tidak melakukan perkara di luar batas pergaulan.

Kata Kunci: Representasi, interpretasi, semiotik, makna, lirik.

ABSTRACT

Meaning in the form of music has its own significant variations on the social realities and ideologies carried by various groups of music genres. The ‘Rock’ music genre, for example, the expressions expressed through the lyrics and the rhythms displayed represent a separate outpouring resulting from the challenges of daily life realities in a community group. The problem is, do the listeners realize and understand the true meaning of the lyrics expressed or are they just lulled by the melodiousness of the singing melody and the charm of the musical accompaniment behind it? There are also allegations that some songs are accused of having ‘negative’ elements and are not suitable for public listening. While the assessment did not try to detect the real manifestation that the lyricist wanted to convey. This study was conducted to analyze and explain the meaning

contained in the lyrics of the rockgenre song around the 1990s era, namely “Gemuruh”. The study will also look at the real manifestation or message that the lyricist wants to convey behind the description of the events described in the song lyrics. The method of analysis is carried out qualitatively by focusing on the “lyric text” as an object, by interpreting and understanding the ‘sign’ code (decoding sign) behind the text through the Roland Barthes semiotic approach. Instead the analysis will go through two stages (two orders of signification), namely stage 1) the components of the signifier (signifier) and signified (signified) involving the meaning of detonation, connotation and myth to see the accuracy of its meaning to be more easily believed and suitable to be used as a basis for public understanding. The study found that the song lyrics are a form of effort to give awareness and order to every couple who make love including those who are about to establish a household so as not to do things outside the boundaries of relationships.

Keywords: Representation, interpretation, semiotics, meaning, lyrics.

PENDAHULUAN

Muzik mampu menjadi media yang mengungkapkan pelbagai realiti kehidupan manusia secara umum serta memaparkan kehidupan sosial masyarakat secara khusus. Hal ini turut dinyatakan oleh Sobur (2003) bahawa muzik seperti nyanyian lagu merupakan satu bentuk hiburan yang kerap dipaparkan oleh media massa dan menjadi platform untuk menyampaikan pelbagai mesej serta representasi masalah sosial dalam kehidupan sehari-hari. Pada dasarnya, makna dalam bentuk muzik mempunyai variasi tersendiri yang signifikan terhadap realiti sosial dan ideologi yang dibawa oleh pelbagai genre muzik. Genre muzik Rock, misalnya, menzahirkan ekspresi melalui lirik serta irama yang merepresentasikan luahan hasil daripada tantangan realiti kehidupan harian dalam sesebuah kelompok masyarakat (Roe 1999; Ababil, 2006; Amir 2006 & Fadly Fahmi, 2008). Dari segi penghayatan para pendengar atau penggemar muzik pula, terdapat perbezaan dalam menilai muzik itu sendiri. Misalnya, terdapat pendengar atau penggemar muzik yang lebih terpesona dengan pembawaan sesuatu genre muzik itu sahaja. Ada juga yang hanya lebih tertarik kepada seni kata (lirik) yang diungkapkan. Tidak kurang juga ada yang hanya meminati rentaknya tanpa memperduli mesej lirik yang ingin

disampaikan dalam lagu berkenaan. Hal sedemikian dapat diperhatikan apabila pendengar tertarik dengan lagu atau muzik yang didengari walaupun bahasa dan budayanya berasal dari luar masyarakat itu sendiri. Bagi pencipta lirik pula, peranan yang dimainkan amat penting bagi memastikan lagu yang bakal dinyanyikan dapat memberi kesan sama ada dari segi emosi atau perlakuan kepada kelompok sasaran pendengarnya. Kesimpulannya, melalui muzik akan terhasil satu bentuk perhubungan atau komunikasi yang sangat efektif dalam mengaitkan emosi dan suasana hati (mood) seseorang individu (Kerr, 2005; Zettl, 1998).

Melalui muzik, tanpa disedari, pendengar dapat menangkap transisi dari satu zaman ke zaman yang lain atau dari satu situasi ke situasi yang lain. Zaman muzik ‘Rock Kapak’ di Malaysia, misalnya, menjadi amat popular sekitar era 1980-an. Zaman kegemilangan muzik ini ditandai dengan kemunculan banyak kumpulan muzik rock tanah air. Antara kumpulan muzik rock yang telah menempah nama pada ketika itu termasuklah kumpulan Wings (Kuala Lumpur), Search, Lefthanded (Johor), SYJ, dan May (Perak). Terminologi “Rock Kapak” ini sebenarnya telah muncul pada dekad 1950-an lagi apabila De Salvo (2012) menjelaskan dalam bukunya yang berjudul *The Language of The Blues: From Alcorub to Zuzu* bahawa instrumen ‘gitar’ dianalogikan sebagai sebilah ‘kapak’. Hal ini demikian kerana, terma kapak atau senapang yang sering digunakan oleh penjenayah secara tradisionalnya akan dibawa atau disimpan di dalam beg. Oleh itu, ketika seorang pemuzik mengeluarkan gitar daripada beg untuk membuat persembahan, aksi itu kelihatan seperti mengeluarkan senjata seperti sebilah kapak atau selaras senapang untuk bertarung.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada analisis lirik lagu dalam genre muzik rock di Malaysia. Oleh itu, disertakan sedikit latar belakang mengenai penggunaan istilah ‘Rock’ dalam konteks dunia muzik yang menjadi pegangan bagi sebilangan pendukung atau peminat irama muzik tersebut. Tidak dinafikan, keasyikan pesona lagu-lagu ini membuat ramai pendengar “tangkap lentok” dan menjadi “jiwang” (terbuai dalam suasana bercinta) kerana terbawa dengan tema cinta ‘meleleh’, khususnya kepada pendengar zaman kegemilangannya iaitu era 1980-an dan awal 1990-an. Hal ini disebabkan oleh lirik sebagai sebuah karya sastera yang mampu merungkai pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat yang berasimilasi dengan pemikiran pengarang (Mohd Firdaus Che Yaacob

& Nasirin Abdullah, 2018; Mohd Haniff Mohammad Yusoff, 2023). Oleh itu, lagu serta irama berorientasikan ‘Rock Kapak’ seolah-olah terasimilasi dengan jiwa anak-anak muda mahupun golongan ‘otai’ (*old-timer*) sehingga kini.

Persoalannya, adakah pendengar menyedari dan memahami makna sebenar lirik yang diungkapkan atau hanya terbuai dengan kesyahduan melodi nyanyian dan pesona iringan muzik yang melatarinya? Lebih malang lagi, lirik hanya menjadi bahan interpretasi sesuka hati pendengar dan akhirnya mendatangkan pelbagai persepsi. Tidak kurang juga timbul tuduhan bahawa lagu tersebut berunsur ‘negatif’ dan tidak sesuai didengarkan kepada umum sedangkan penilaian itu tidak cuba mengesan manifestasi sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis lirik. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis dan menjelaskan makna yang terkandung dalam lirik lagu bergenre rock yang amat popular pada sekitar era 1990-an iaitu “Gemuruh”. Kajian ini juga akan memerihalkan manifestasi sebenar atau mesej yang ingin disampaikan oleh penulis lirik di sebalik paparan peristiwa yang berlaku dalam lirik lagu tersebut.

Lagu “Gemuruh” diterbitkan pada tahun 1992 dan dipopularkan oleh Awie (Wings) dan Amy (Search) menerusi album berjudul ‘Double Trouble’. Lagu ini adalah karya asal M. Nasir dengan lirik oleh Almarhum Loloq yang secara amnya mengekspresikan kisah hubungan cinta sepasang kekasih. Jika diamati setiap bait lirik lagu ini berulang kali, tersirat kisah dan peristiwa yang dapat menjadi iktibar kepada semua insan yang sedang bercinta ataupun yang berhasrat untuk mendirikan rumah tangga bersama orang yang dicintai. Atas dasar hubungan cinta yang secara implisit direpresentasikan menerusi narasi lirik lagu tersebut, ia perlu difahami agar dapat memberi pengajaran dan menjadikan ‘yang buruk sebagai sempadan’ oleh masyarakat.

Kepentingan kajian ini terletak pada usaha memahami dan menyingkap makna yang lebih mendalam di sebalik lirik lagu “Gemuruh”. Melalui pendekatan semiotik Barthes (1997), kajian ini bukan sahaja dapat menyingkap lapisan makna yang mungkin tidak disedari oleh pendengar biasa, tetapi juga memberikan perspektif baru dalam memahami karya seni muzik tempatan. Dengan memahami makna yang tersirat, masyarakat dapat menghargai karya ini bukan sekadar hiburan semata-mata, tetapi juga sebagai medium untuk

menyampaikan mesej sosial dan budaya yang penting. Selain itu, kajian ini juga memberi sumbangan kepada bidang kajian muzik dan sastra, khususnya dalam konteks analisis lirik lagu, yang sering kali diabaikan dalam kajian akademik. Oleh itu, kajian ini diusahakan secara ilmiah untuk mengesan makna lirik lagu tersebut menerusi kaedah analisis berdasarkan pendekatan semiotik Barthes (1997).

SOROTAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS TERHADAP LIRIK LAGU

Secara umumnya, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan, terutamanya dalam proses identifikasi serta analisis permasalahan berkaitan data lirik lagu oleh pengkaji terdahulu menggunakan teori dan pendekatan tertentu. Berikut adalah beberapa sorotan kajian lepas yang menjadi rujukan serta motivasi kepada pengkaji bagi meneruskan kajian lirik lagu dalam makalah ini.

Kajian terhadap tiga buah lagu nyanyian Aman Ra oleh Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020) memfokuskan kepada penjelasan interpretasi dan representasi sosial yang terkandung dalam lagu berjudul ‘Tabah’, ‘Budak Flat’ dan ‘Bangun’. Kajian tersebut dijalankan bagi mengenalpasti empat elemen Representasi Sosial yang diperkenalkan berdasarkan Teori Representasi Sosial (1961) oleh Sergei Moscovici, iaitu kepercayaan sepunya, skema, penanda dan prinsipal. Pemaknaan lirik dilakukan secara denotasi dan konotasi dalam aspek sosial serta diperihalkan secara umum sesuai dengan kerangka pendekatan tersebut. Keseluruhannya, makna yang diuraikan menjurus kepada ideologi dalam masyarakat, organisasi atau sesebuah kumpulan.

Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019) pula berusaha menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui bahasa kiasan yang digunakan dalam lagu “Mati Hidup Semula”. Analisis dijalankan terhadap dua ungkapan implisit iaitu “Dulu hidup kurasakan mati” dan “Setelah mati ku hidup semula” menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Hasil analisis mendapati hubungan kata “hidup” dengan “mati” bukan sahaja bersifat antonim pada peringkat harfiah tetapi juga mendukung makna tambahan secara dualisme setelah melalui peringkat pemaknaan secara resonans dan inkuisitif. Analisis ini menunjukkan bahawa pemilihan

sesuatu ungkapan tersebut tidak dilakukan sewenang-wenang tetapi telah difikirkan dengan teliti oleh penulisnya.

Kajian lirik lagu yang diusahakan oleh Ika Suzainna Let dan Rohaidah Kamarudin (2018) memfokus kepada bahasa kiasan yang wujud daripada pemikiran masyarakat yang menggunakan sesuatu bahasa. Hal ini menyebabkan timbulnya kekeliruan dalam menterjemah sesuatu bahasa oleh penterjemah yang bukan dalam lingkup budaya masyarakat tersebut. Analisis dijalankan terhadap sepuluh terjemahan oleh responden berpandukan kaedah terjemahan yang diutarakan oleh Vinay dan Darbelnet (1977). Walau bagaimanapun, tidak semua kaedah yang digunakan dapat memberikan terjemahan makna bahasa kiasan yang tepat kerana kesemua responden tersebut bukanlah penutur jati bahasa tersebut dan kurangnya penguasaan bahasa sumber. Akhirnya, kebanyakan makna hanya diperolehi berdasarkan terjemahan kamus semata-mata.

Kajian Wiranata (2015) pula menekankan analisis makna terhadap simpulan bahasa yang terkandung dalam sesebuah lirik lagu. Kajian beliau melihat dari sudut makna simpulan bahasa yang memiliki hubungan dengan makna daripada lagu itu sendiri. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan hanya tertumpu kepada kaedah mengkategorikan jenis simpulan bahasa dan jenis-jenis makna yang terdapat dalam lirik lagu. Manakala huraian secara lebih mendalam berkaitan makna yang diperolehi tidak dijelaskan.

Secara keseluruhannya, pelbagai cara analisis berpandukan teori dan pendekatan tertentu bagi mentafsir makna data berkonsepkan lirik lagu telah mendorong kepada kerencaman bentuk analisis secara sistematik yang digunakan oleh pengkaji. Oleh itu, dalam makalah ini, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semiotik Roland Barthes melalui analisis ‘tanda’ pada kata atau kalimat dalam data lirik lagu ‘Gemuruh’. Pendekatan ini bertujuan untuk mendedahkan secara sistematik makna terselindung yang disampaikan oleh penulis lirik, memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan komprehensif terhadap mesej yang ingin disampaikan.

PENDEKATAN SEMIOTIK BARTHES

Semiotik pada dasarnya adalah ilmu berkaitan cara manusia memberi makna terhadap sesuatu perkara, menjelaskan, dan

mengkomunikasikan sesuatu idea atau persoalan (Barthes, 2007; Sara Hatem Jadou, et. al. 2021). Penelusuran kajian semiotik dalam karya sastra bertujuan untuk meninjau ideologi yang merujuk kepada lambang atau tanda sebagai dasar mesej yang secara sengaja dimunculkan oleh pengarang untuk membangunkan watak, tema, dan garapan isu-isu tertentu di sebalik sesuatu karya (Jyh Wee Sew, 2016).

Konsep pendekatan yang dipelopori oleh Roland Barthes harus dilihat sebagai teknik penting dalam mendedahkan ideologi tersirat pengkarya dalam karya kreatif bertulis seperti lirik, puisi, novel, dan sebagainya. Secara amnya, pendekatan semiotik Roland Barthes melibatkan analisis melalui dua tahap tanda (*two orders of significations*) yang terdiri daripada tanda denotasi dan tanda konotasi. Barthes telah mengembangkan sistem tanda tersebut kepada dua tahap signifikasi, iaitu penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*) yang melibatkan analisis secara denotasi, konotasi, serta mitos (konsep yang terhasil daripada pemikiran masyarakat).

Pendekatan Barthes sebenarnya adalah pengembangan dari kaedah semiologi Saussure yang terhenti pada penanda (*signifier*) dan tanda denotasi (*denotative sign*). Barthes menunjukkan bahawa aspek-aspek denotatif dalam menyampaikan konotasi sebenarnya merupakan mitos-mitos yang dibangkitkan oleh sistem tanda yang lebih luas sehingga akhirnya membentuk pemikiran masyarakat. Sebagai contoh, mitos dari kata “cinta” biasanya merujuk kepada perbuatan saling mengasihi dengan setulus hati. Namun, dalam konteks lagu “Gemuruh”, kata “cinta” mengandungi hasrat dan keinginan tertentu yang perlu diberikan sebagai tanda kasih yang tinggi antara pasangan. Walau bagaimanapun, segala keputusan yang diambil untuk memenuhi hasrat tersebut perlu didasari oleh penilaian dari segi kesan dan akibatnya kepada individu mahupun masyarakat.

Kesesuaian pendekatan semiotik Barthes bagi kajian ini terletak pada kemampuannya untuk mendedahkan makna terselindung yang terdapat dalam lirik lagu “Gemuruh”. Pendekatan ini membolehkan pengkaji meneliti bukan sahaja makna literal (denotasi) tetapi juga makna tersirat (konotasi) yang terhasil daripada budaya dan konteks sosial. Dengan menggunakan pendekatan semiotik Barthes, pengkaji dapat memahami bagaimana tanda-tanda dalam lirik lagu berfungsi untuk menyampaikan mesej yang lebih mendalam dan kompleks,

serta bagaimana mesej tersebut boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara oleh pendengar.

Selain itu, pendekatan ini juga membantu dalam mengkaji bagaimana mitos-mitos yang berkaitan dengan cinta dan hubungan dalam masyarakat dapat direfleksikan melalui lirik lagu. Perkara memberikan perspektif yang lebih luas dan menyeluruh terhadap makna yang ingin disampaikan oleh penulis lirik, serta bagaimana ia mempengaruhi pendengar pada tahap emosi dan intelektual.

Kesemua ini menjelaskan bahawa pendekatan semiotik Roland Barthes bertujuan untuk memahami sistem tanda dalam sesebuah konteks, yang mana fenomena sosial dapat ditafsirkan sebagai ‘tanda’ yang layak dianggap sebagai sebuah lingkaran linguistik.

KAEDAH KAJIAN

Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif data berbentuk kualitatif. Analisis secara deskriptif adalah penelitian sistematik dengan menganalisis tanda berupa makna bahasa/kata dalam lirik lagu “Gemuruh” secara autentik dan penuh teliti. Dalam kajian ini, analisis menumpukan kepada “teks lirik” sebagai objek, dengan cara mentafsir serta memahami kod tanda (decoding sign) di sebalik teks tersebut.

Kaedah kajian ini secara keseluruhan menerapkan pendekatan semiotik dari Barthes (2007) dalam konteks penelitian menerusi makna denotasi, konotasi, dan mitos. Pendekatan ini membantu melihat ketepatan makna yang lebih mudah diyakini dan sesuai dijadikan sandaran pemahaman masyarakat.

Justeru, signifikasi analisis akan melalui dua tahap (two orders of signification), iaitu:

- i. **Tahap pertama:** Komponen penanda (signifier) dan petanda (signified) serta makna denotasi, tanda-tanda ini akan dikaitkan dengan kenyataan sebenar (realiti eksternal).
- ii. **Tahap kedua:** Penandaan dan petanda yang mempunyai bentuk konotasi, yang mana isinya mengandungi mitos (konsep yang ingin dizahirkan oleh penulis lirik dan lahir daripada pemahaman pembaca) dan berkaitan dengan budaya sekitar.

Secara sistematiknya, kajian ini dapat dipaparkan menerusi ringkasan kerangka analisis dalam Rajah 1 berikut:

Rajah 1

Kerangka Berfikir Lirik Lagu “Gemuruh”



Secara amnya, kaedah analisis data juga adalah berdasarkan dua penelitian utama iaitu:

- i. **Data Primer:** Analisis data dilakukan dengan cara mendengar secara berulang lagu “Gemuruh” dan menganalisis lirik serta memahami lirik lagu itu. Lirik kemudian disalin semula untuk tujuan paparan sebagai bahan analisis.
- ii. **Data Sekunder:** Data diperoleh dari bahan-bahan bacaan rujukan seperti artikel-artikel terbitan serta data internet yang berkaitan dengan semua kajian yang lepas.

LIRIK LAGU GEMURUH – AMY (SEARCH) FT AWIE (WINGS)

Berikut adalah lirik lagu “Gemuruh” yang digunakan dalam kajian ini dipecahkan mengikut rangkap:

Lirik	Rangkap
Di dalam gerimis penuh rahmat Dia tersentuh Cendawan akan sesegar pagi Nan permai damaikan Tunggul di pinggir rimba Lantas mendambakan Cinta sempurna dari jiwa Bakal surinya	Rangkap 1
Di dalam kelambu mendung ungu Dia kesali Hilang kayangan pedoman	Rangkap 2

(sambungan)

oleh masyarakat (pembaca). Kesimpulan akhir akan menjelaskan gambaran sebenar mengenai representasi ‘hubungan terlarang’ dalam penghasilan lirik lagu “Gemuruh”.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berikut dipaparkan jadual analisis lirik lagu yang diyakini mempunyai tanda berupa kata yang telah diproses menggunakan kaedah pendekatan semiotik Roland Barthes iaitu dua tahap (two orders of signification) yang melibatkan makna tanda denotasi dan konotasi.

Jadual 2

Analisis Rangkap 1

1. Penanda (<i>Signifier</i>): a) Di dalam Gerimis , b) dia tersentuh c) pinggir rimba d) cinta sempurna dari jiwa e) bakal surinya	2. Petanda (<i>Signified</i>): Makna permukaan a) Definisi: Hujan rintik-rintik atau hujan renyai-renyai. b) Definisi: 1. terkena (tersinggung) sedikit, terjamah; 2. terlanggar (terhantuk, terkena, tersandung). c) Definisi: hutan besar (yg belum pernah dibuka manusia); hutan ~ berbagai-bagai hutan; ~ dara rimba (hutan) yg masih terpelihara spt. d) Definisi: 1. perasaan atau berperasaan sangat sayang kpd (negara, orang tua, kebebasan, dll). e) Definisi: 1. seseorang yg akan menjadi atau dijadikan (isteri, suami, presiden, ketua, dll),
3. Tanda Denotatif (<i>Denotative sign</i>):	
a) Gerimis ialah kerpasan cecair ringan yang terdiri daripada titisan air yang lebih kecil daripada titisan hujan yang boleh menyebabkan: - cuaca sejuk - mempengaruhi struktur, liputan, dan sinaran awan di kawasan-kawasan tertentu.	
b) Tersentuh adalah kata terbitan ‘Sentuh’ yang jika melibatkan antara sentuhan fizikal/tubuh yang: - boleh dirasakan jika kena sedikit pada sesuatu atau mengenai objek lain. - menyebabkan wuduk mereka terbatal jika bersentuhan kulit lelaki dengan wanita (bukan mahram). - boleh menghasilkan sensasi tertentu kepada tubuh Manusia.	

(sambungan)

- c) **Rimba** adalah kawasan hutan tebal yang:
 - dilitupi dengan tumbuhan padat.
 - Kawasan yang jarang diterokai manusia.
- d) **Cinta** merupakan satu ukuran asas pengalaman manusia yang memberikan antaranya:
 - perasaan kasih sayang, tarikan, asas kemesraan dan keserasian antara individu.
 - rela berkorban untuk orang lain, perasaan tertarik termasuk hubungan kepada alam, benda hidup ataupun makhluk lain.
- e) **Bakal** adalah sesuatu yang:
 - dijangkakan pada masa depan, akan datang, ditakdirkan.
 - sesuatu dinanti-nantikan, belum muktamad.

4. Penanda konotatif:

- Cuaca dingin yang dirasakan oleh tubuh seseorang boleh mendorong sensasi/rangsangan/ghairah tertentu ketika bersentuhan atau tersentuh dengan kulit lawan jenis/ kekasih/ pasangan/ tunang.

5. Petanda konotatif: konsep tentang perhubungan erat sepasang individu yang sedang berdua-duaan di tempat yang jauh daripada pandangan orang lain.

(Sumber: <https://hellosehat.com/seks/tips-seks/cuaca-dingin-gairah-seksual/>).

- Lokasi berada di tempat yang kurang dikunjungi manusia.
6. Tanda konotatif: Menunjukkan perbuatan yang didorong oleh interpretasi perasaan kasih (cinta) dan rangsangan sekitar yang dialami sepasang kekasih sehingga menimbulkan adanya suatu hasrat dan harapan daripada pasangan yang belum mempunyai hubungan suami isteri untuk menjalinkan hubungan terlarang di suatu kawasan yang tersembunyi. (Mitos: Jangan terlalu mengikutkan hawa nafsu dan elakkan berdua-duaan ditempat yang tersembunyi, terpendil dan jauh dari pandangan orang lain jika belum mempunyai ikatan hubungan yang sah).

“Di dalam gerimis, penuh rahmat dia tersentuh” (Baris pertama dan kedua)

“Cinta sempurna dari jiwa, bakal surinya” (Baris ketujuh dan kelapan)

“Tunggul di pinggir rimba” (Baris kelima)

Berdasarkan hasil analisis rangkap pertama lirik lagu “Gemuruh”, penemuan petanda (signifier) seperti ‘gerimis’, ‘tersentuh’, ‘rimba’, ‘cinta’ dan ‘bakal’ merupakan terjemahan secara harfiah menerusi

kamus. Peringkat seterusnya membawa kepada makna denotatif (primer) yang ditambah dengan segala gambaran, suasana, dan situasi yang ditimbulkan menerusi konteks lagu.

Secara jelas, makna tanda konotasi (sekunder) yang diperolehi menunjukkan adanya hasrat atau keinginan untuk menjalinkan ‘hubungan terlarang’ (seks luar nikah) bersama pasangan bagi membuktikan rasa kasih dan sayang di antara mereka. Mitos dalam konteks rangkap pertama lagu ini menunjukkan bahawa penulis menceritakan berlakunya perbuatan hubungan terlarang kerana terdorong oleh hawa nafsu ketika berdua-duaan di tempat yang tersembunyi, terencil, dan jauh dari pandangan orang lain tanpa mempunyai ikatan hubungan yang sah. Perkara ini menggambarkan keinginan mendalam dan hasrat untuk berkasih sayang yang sempurna, tetapi dilakukan dalam keadaan yang tidak sah dan tersembunyi.

Jadual 3

Analisis Rangkap 2

1. Penanda (<i>Signifier</i>): a) Di dalam kelambu , b) Dia kesali c) Hilang kayangan	2. Petanda (<i>Signified</i>): Makna permukaan a) Definisi: 1. sj kain kasa (atau kain berlubang halus-halus) yg dipasang menyelubungi tempat tidur (utk mencegah nyamuk). b) Definisi: 1. berasa kecewa atau tidak senang hati (di atas sesuatu perkara, perbuatan, dll). c) Definisi: tempat kediaman segala dewa, istana, mahkota
3. Tanda Denotatif (<i>Denotative sign</i>):	
a) Kelambu merupakan sebuah: - tirai tipis, tembus pandang, dengan jaring-jaring yang dapat menahan berbagai serangga. menggigit atau mengganggu orang yang menggunakannya. - digunakan seperti tenda yang dapat menutupi tempat tidur.	
b) Kesali adalah kata adjektif atau sifat yang: - merujuk kepada bentuk perasaan menyesal, kecewa, dan tidak senang hati. - muncul kerana rasa tidak puas hati atau marah akibat perbuatan yang negative.	
c) Kayangan adalah: - Alam tempat hyang bersemayan dipanggil kayangan atau kahyangan, yang dianggap juga sebanding dengan syurgaloka atau syurga. - Kawasan yang dianggap tinggi dan penuh penghormatan.	

(sambungan)

4. Penanda konotatif: - Situasi individu yang sedang menyesali perbuatannya di tempat tidur (kelambu) kerana sesuatu yang berharga dari dirinya (mahkota) telah hilang.	5. Petanda konotatif: konsep tentang seseorang yang rela memberikan apa sahaja demi orang yang dicintai.
6. Tanda konotatif: Mengisahkan tentang seorang wanita telah dinodai dan seperti tidak mempercayai peristiwa itu telah berlaku kepadanya. (Mitos: Perlu memikirkan sedalam-dalamnya segala tindakan yang diambil agar tidak menyesal dikemudian hari).	

“Di dalam kelambu mendung ungu, dia kesali” (Baris pertama dan kedua)

“Hilang kayangan pedoman, iktiar dan arah” (Baris ketiga dan keempat)

Hasil analisis rangkap kedua lirik lagu “Gemuruh” pula menjelaskan bahawa petanda (signifier) seperti ‘kelambu’, ‘kesali’ dan ‘kayangan’ jelas membawa kepada makna denotasi serta konotasi berlakunya ‘hubungan terlarang’ (seks luar nikah) bersama pasangan. Ini jelas dilihat pada penanda konotatif yang memberikan gambaran jelas terhadap emosi kekesalan yang dizahirkan akibat sanggup memberikan apa sahaja demi orang yang dikasihi. Mitos akhirnya menimbulkan pesanan bahawa segala tindakan yang ingin diambil perlu difikirkan sedalam-dalamnya akan kesannya.

Jadual 4

Analisis Rangkap 3

1. Penanda (<i>Signifer</i>): a) mudah pujangga , b) serampang berbisa	2. Petanda (<i>Signified</i>): Makna permukaan a) Definisi: 1. pengarang sajak (syair dll) yg agung dan tinggi mutunya; 2. ahli fikir, ahli sastra (bahasa). b) Definisi: 1. sj tombak yg bercabang hujungnya (utk senjata, menangkap ikan, dll); 2. garpu makan; ~ dua mata
3. Tanda Denotatif (<i>Denotative sign</i>): a) Pujangga berkaitan dengan: - Seorang sasterawan dan penulis sastra. - Mahir menggunakan bahasa sastra, baik puisi maupun prosa. b) Serampang sinonim dengan: - sesuatu benda yang bercabang seperti garpu atau senjata yang hujungnya bercabang dua.	

(sambungan)

-
- | | |
|--|--|
| c) Penanda konotatif: <ul style="list-style-type: none">- Situasi individu tersebut menyadari dirinya telah terpedaya dengan kata-kata manis kekasihnya tidak menepati janjinya. | 5. Petanda konotatif: Konsep akibat kerana terlalu mempercayai orang lain. |
|--|--|
6. Tanda konotatif: Mengisahkan tentang seseorang yang telah terpedaya atau tertipu oleh pujuk rayu pasangannya. (Mitos: Jangan mudah terpedaya dengan segala janji dan pujukan yang tidak pasti)
-

“Dan menelan siksa pahit maung madah pujangga” (Baris kedua)

“Terbukti kasihnya hanya serampang berbisa” (Baris Ketiga)

Hasil analisis rangkap ketiga ini menjelaskan bahawa makna penanda denotatif seperti ‘pujangga’ dan ‘serampang’ menjurus kepada makna konotasi seseorang yang telah termakan pujuk rayu dan amat mempercayai pasangannya. Menerusi konteks lagu, ini menjelaskan bahawa kekasih wanita tersebut tidak menghargai pengorbanannya dan akhirnya tidak memperdulikannya lagi. Hal ini memberikan satu tanggapan tentang konsep agar tidak mudah mempercayai sesuatu janji atau kata-kata manis yang tidak pasti kebenarannya.

Jadual 5

Analisis Rangkap 4

-
- | | |
|--|--|
| 1. Penanda (<i>Signifier</i>): <ul style="list-style-type: none">a) <i>Tak tersedar menyeresapi,</i>b) <i>Ke puser keinsanan</i>c) <i>Membibitkan titis-titis</i>d) <i>Sepekat warna darah dan dosa</i> | 2. Petanda (<i>Signified</i>): Makna permukaan <ul style="list-style-type: none">a) Definisi resap: 1. masuk ke dlm liang dll (terutama barang yg cair), menyerap:b) Definisi insan: 1. Ar makhluk yg dicipta oleh Allah SWT yg tidak terlepas drpd kealpaan, Manusiac) Definisi bibit: 1. sesuatu utk disemai atau ditanam supaya menjadi tumbuh-tumbuhan, sesuatu yg akan membesar menjadi hidupand) Definisi:<ul style="list-style-type: none">i. Darah - cecair berwarna merah yg mengalir dlm tubuh manusia atau binatangii. Dosa - perbuatan melanggar hukum Tuhan atau agama: segala halal haram, |
|--|--|
-

(sambungan)

3. Tanda Denotatif (*Denotative sign*):

- a) **meresap** sinonim dengan kata:
 - Menerobos, menembusi, menyelinap dan menyusup masuk.
 - b) **insan** sinonim dengan kata:
 - Individu, jiwa, manusia, orang, pribadi dan makhluk.
 - c) **bibit** sinonim dengan kata:
 - Akar, asal mula, awal, baka, bakal, benih.
 - d) i) **darah** sinonim dengan kata:
 - Pertalian hubungan, keturunan, keluarga, anak, baka
 ii) **dosa** merujuk kepada:
 - kesalahan atau segala perbuatan yang bertentangan dengan kehendak dan perintah Allah SWT.
 - tindakan manusia melanggar perintah dan norma serta aturan Tuhan.
 - e) Penanda konotatif: 5. Petanda konotatif: Konsep pergaulan bebas
 - Situasi wanita tersebut menyedari dirinya telah mengandung/hamil kerana hubungannya dengan pasangan yang tidak sah.
6. Tanda konotatif: Mengisahkan tentang pergaulan bebas dengan menjalin hubungan terlarang dengan pasangan yang bukan suami isteri yang sah. (Mitos: Sentiasa menyedari keterbatasan antara lelaki dan wanita dalam menjalani sebuah hubungan yang bukan mahram atau belum sah dinikahi)

“Tak tersedar menyeresapi, ke pusar keinsanan” (Baris pertama dan kedua)

“Membibitkan titis-titis, sepekat warna darah dan dosa” (Baris ketiga dan keempat)

Hasil analisis rangkap terakhir ini menjelaskan bahawa seorang wanita telah hamil hasil daripada perbuatan zina yang dilakukan dengan pasangannya tanpa pernikahan yang sah. Ini dijelaskan menerusi penanda kata ‘menyeresapi’, ‘keinsanan’, ‘membibitkan’, ‘darah’ dan ‘dosa’. Kesemua tanda ini diuraikan secara literal dengan memasukkan pelbagai latar suasana, situasi emosi serta tingkah laku dan seterusnya menghasilkan tanda konotatif yang bertepatan dengan rentetan peristiwa pada setiap rangkap lagu secara keseluruhannya. Penjelasan denotatif juga mengarah kepada petanda bahawa konsep pergaulan bebas yang berlaku dalam kisah lagu membawa kepada bentuk ‘hubungan terlarang’ yang amat ditegah dalam agama. Justeru itu, penulis cuba memberi kesedaran tentang menyedari keterbatasan pergaulan antara lelaki dan wanita dalam menjalani sebuah hubungan yang belum sah.

KESIMPULAN

Secara ringkasnya, penelitian berdasarkan pendekatan semiotik Roland Barthes menerusi dua tahap (*two orders of signification*) terhadap lirik lagu “Gemuruh” berjaya mendedahkan peristiwa atau situasi yang berlaku di sebalik kisah hubungan sepasang kekasih dalam lirik lagu tersebut. Menerusi pendekatan ini, analisis makna melalui pemerihalan tanda-tanda denotasi dan konotasi dalam konteks lirik lagu “Gemuruh” telah memperlihatkan ketepatan makna keseluruhan lirik secara rinci, autentik, lebih mudah diyakini, dan sesuai dijadikan sandaran pemahaman masyarakat.

Makna denotasi dalam lirik lagu tersebut, misalnya, secara keseluruhan menjelaskan bahawa penulis lirik telah memberikan gambaran nyata dari hasil telahan makna secara harfiah yang signifikan terhadap pelbagai latar suasana, situasi emosi, serta tingkah laku melalui peristiwa yang diperihalkan kepada kedua-dua pasangan. Kehadiran pemilihan kata (tanda) yang membawa kepada representasi ‘hubungan terlarang’ seperti gerimis, tersentuh, rimba, cinta, bakal, dan kelambu menghadirkan konsep-konsep yang saling berelasi dari sesuatu hal yang diketahui dalam fikiran. Hal ini dilanjutkan lagi menerusi analisis tahap kedua iaitu makna konotasi yang akhirnya dapat menzahirkan konsep mitos, iaitu dengan membawa kepada penjelasan makna dalam konteks perhubungan yang dilarang dan melanggar tatasusila oleh penulis lirik seperti kesan dan akibat perlakuan seks bebas yang secara realitinya berlaku dalam masyarakat serta mesej yang ingin disampaikan kesan dari perbuatan tersebut kepada pelaku terutama kaum wanita.

Berdasarkan penelusuran secara teliti menggunakan pendekatan ini terhadap lirik lagu “Gemuruh” jelas menunjukkan wujudnya ketidakfahaman dan salah erti mengenai istilah ‘cinta’ dalam konteks lirik lagu mengenai hubungan yang dizahirkan. Secara umumnya, persembahan lirik lagu ini tidaklah mengarah kepada dorongan perlakuan negatif dalam konteks perhubungan yang dipersembahkan kepada khalayak umum. Sebaliknya, bentuk perbuatan yang dizahirkan atas nama ‘cinta’ dalam konteks lirik lagu “Gemuruh” adalah merupakan sebuah cerminan daripada akhlak manusia. Dalam konteks masyarakat Melayu yang sinonim dengan agama Islam, iman seharusnya diperkukuh dalam diri agar dapat mengelak keterbatasan dan menghindar kifarah Allah akibat dosa yang dilakukan. Jelasnya,

lirik lagu tersebut adalah merupakan suatu bentuk usaha memberi kesedaran dan pesanan kepada setiap pasangan yang bercinta termasuklah kepada mereka yang bakal mendirikan rumah tangga.

Tuntasnya, lirik lagu “Gemuruh” yang dimanifestasikan oleh penulis telah direpresentasikan menggunakan seni bahasa secara abstrak agar tidak keterlaluan memerihalkan realiti kewujudan bentuk hubungan seumpama itu kepada pendengar. Kecenderungan mesej yang disampaikan oleh penulis lirik juga jelas menuntut pendengar agar mengambil iktibar terhadap apa yang ingin disampaikan untuk dijadikan panduan kepada semua pendengar. Ringkasnya, analisis yang dijalankan menggunakan pendekatan Roland Barthes ini telah berjaya memerihalkan bentuk ‘hubungan terlarang’ yang disampaikan dalam lirik lagu “Gemuruh” menerusi kaedah dua tahap (*two orders of signification*) secara lebih ilmiah dan boleh diandalkan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohammad Haris Abd Azis: Bertanggungjawab merangka konsep kajian serta memilih pendekatan semiotik Roland Barthes sebagai kerangka analisis. Beliau turut menulis bahagian pendahuluan, sorotan kajian lepas dan metodologi, serta menyelaraskan keseluruhan struktur penulisan artikel.

Mohd Azhar Abu Bakar @ Azmeer: Menyumbang kepada analisis lirik lagu dan interpretasi makna berdasarkan pendekatan denotatif dan konotatif. Selain itu, beliau turut menyemak hasil perbincangan dan

memperkuh kesimpulan dengan menekankan aspek representasi sosial dalam lirik lagu tersebut.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Amir Husairi Sharif. (2006). *Bahasa, muzik, dan komunikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ababil. (2006, Februari 1). Underground vs. Mainstream. Fahamkah anda? *Rhythms of The Third World (ROTTW)*, 50.
- Barthes, R. (1997). *Image music text* (S. Heath, Trans). Fontana Press.
- Barthes, R. (2007). *Mythologies*. Yale University Press.
- Che Noraini Hashim. (2002). *Gejala Sosial: Punca perspektif dan penyelesaian menurut Islam, siri 1 (Penyakit: akar dan penyelesaian dari perspektif Islam, 1st series)*. Pertiwi Sdn. Bhd.
- De Salvo, D. (2012). *The language of the blues: From Alcorub to Zuzu*. Billboard.
- Fadly Fahmi Mokhtar. (2008, Disember). Antara irama lagu dan kebebasan bermuzik. *Konsert*, 31.
- Hasan Basrie Alcaff. (1990). *Rahasia cinta kepada Allah*. Darul Ulum Press.
- Ika Suzainna Let & Rohaidah Kamarudin. (2018). Penterjemahan unsur budaya dalam bahasa kiasan daripada lagu bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. *Journal Of Kesidang*, 3(1), 1-8.
- Johari Talib, Nasruddin Yunos, & Siti Nor Baya. (2009). Characteristics of pregnant girls and men who fathered their children. *Laporan Penyelidikan yang tidak diterbitkan Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Jyh Wee Sew. (2016). Analisis kajian Sastra: Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan. *Jurnal AKADEMIKA*, 86(2), 53-63.

- Kerr, B. (2005). *Effective use of audio media in multimedia presentation*. Middle Tennessee State University. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED436121.pdf>
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2023). Manikam kalbu: Adat dan adab Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 55–73. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.3>
- Mohd. Fauzi, H., & Mohd. Khairul Naim, C. N. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75-89.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Analisis aspek kemasyarakatan melalui pemikiran A. Samad Said dalam novel Daerah Zeni dan Hujan Pagi. *TENIAT: International Journal of Creative Future and Heritage*, 9(2), 15-35.
- Nor Asiah Jusoh. (2001). The psychology of love: Comparative study of al-Ghazali and Maslow. *Laporan Kajian yang tidak Diterbitkan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Roe, K. (1999, Julai). Music and identity among European youth. *Music as communication. Soundscapes*, 2. www.icce.rug.nl/~soundscapes/.../MIE/Part2_8/10/2010
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus “Ilmu” berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 157–180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>
- Sara Hatem Jadou, Iman M. Muwafaq, & al Ghabra. (2021). Barthes’ semiotic theory and interpretation of signs. *International Journal of Research in Socialsciences & Humanities*, 11(3), 470-482.
- Sobur, A. (2003). *Semiotika komunikasi*. PT. Remaja Rosdakarya.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Hanisah Osman, & Fazilah Idris. (2016). Konsep cinta Muslim, personaliti dan akhlak percintaan dalam kalangan belia Muslim. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 17, 29-52.
- Wan Ahmad Shaufiq. (2021, Oktober 3). Rock Kapak: Pengaruh sub-budaya rock kapak dalam masyarakat Melayu di Malaysia. *Ipoh Music Symposium*.
- Wiranata, E. (2015). Types and meanings of idiomatic expressions in forever the sickest kids’ album “Underdog Alma Mater”. *HUMANIS Journal*, 11(1), 1-8.
- Wong Shia Ho, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258.

- Zettl, H. (1998). Contextual media aesthetics as the basis for media literacy. *Journal of Communication*, 48(1), 81-95.
- Zulaiha, Ali Othman, Roslan Ahmad, Umi Nadzrah, & Zurina Muda. (2016). Remaja bercinta: Kajian terhadap tiga jenis sekolah menengah kebangsaan, agama dan agama swasta. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 187-210.
- Zulieda Azni, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2020). Representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-14.